

**PEMBINAAN MODEL KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB
“MGG@TfModKTBa@INNOV” DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM
(IPTA) MALAYSIA**

**Asma Abdul Rahman
Nursilah Ahmad**
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Pembelajaran bahasa Arab telah bermula di Malaysia semenjak sebelum merdeka lagi. Bermula dari waktu tersebut, bahasa Arab telah dipelajari di sekolah-sekolah kerajaan di peringkat tasekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi awam. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menawarkan pengajian bahasa Arab di peringkat Ijazah Sarjana Muda termasuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). Namun, pencapaian pelajar dalam kemahiran bertutur tidak begitu memberangsangkan sebagaimana dalam laporan kajian-kajian lepas. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPTA Malaysia dan mengenal pasti punca kelemahan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar supaya dapat dijadikan sandaran untuk mewujudkan model kemahiran bertutur bahasa Arab “MGG@TfModKTBa@INNOV”. Kajian ini juga melibatkan kajian kes di dua buah universiti iaitu Universitas Darussalam, Gontor, Indonesia dan *Hankuk University of Foreign Studies*, Korea Selatan untuk mengetahui cara menyelesaikan masalah kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar bukan penutur asli. Pemilihan dua buah universiti tersebut adalah berdasarkan kejayaan menghasilkan penutur bukan asli yang boleh bertutur dalam bahasa Arab. Selain itu, data juga dikumpul melalui kajian dokumentasi di ibu pejabat Pusat ISESCO bahasa Arab bertempat di Rabat, Maghribi. Kajian ini juga melibatkan kajian lapangan di tujuh buah universiti awam Malaysia yang menawarkan pengkhususan matapelajaran bahasa Arab. Responden kajian melibatkan 300 orang pelajar menggunakan instrument soalselidik, pemerhatian dan temubual secara berkumpulan. Data primer dan sekunder akan dianalisis untuk membina model baru “MGG@TfModKTBa@INNOV” dalam bentuk aplikasi multimedia perisian 3D bagi menyelesaikan masalah bertutur dalam kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPTA Malaysia. Pembinaan model baru ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan dan dasar kepada pembelajaran bahasa Arab dan pembinaan silibus baharu bahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran bertutur pelajar di samping menarik minat pelajar untuk mengambil pengkhususan bahasa Arab di IPTA Malaysia.

Kata kunci: *Model, Kemahiran, Bertutur Bahasa Arab, “MGG@TfModKTBa@INNOV”*

**CONSTRUCTION OF ARABIC LANGUAGE PROFICIENT SKILLS MODEL
"MGG@TfModKTBa@INNOV" AT PUBLIC INSTITUTES OF HIGHER LEARNING
(IPTA) MALAYSIA**

Abstract

Learning Arabic has started in Malaysia since before independence. From that time, Arabic was studied in government schools in primary schools, secondary schools and public institutions of higher learning. Institutions of Higher Learning (IPT) which offer Arabic language studies at The Bachelor's Degree level including International Islamic University Malaysia (IIUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Universiti Malaya (UM) and Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). However, the achievements of students in speaking skills were not as encouraging as in previous reports. The main objective of this study is to identify the level of speaking skills among students specializing in Arabic language in IPTA Malaysia and to identify the root causes of speaking skills among students to create an Arabic language proficiency model "MGG@TfModKTBa@INNOV". The study also involved case studies at two universities namely Universitas Darussalam, Gontor, Indonesia and Hankuk University of Foreign Studies, South Korea to learn how to solve problems of speaking skills among non-native speaker students. The selection of two universities is based on the success of producing non-native speakers who can speak Arabic. In addition, the data was also collected through documentation study at the headquarters of the ISESCO Arabic Language Centre in Rabat, Morocco. The study also involved field studies in seven Malaysian public universities offering Arabic Language subjects. The respondents involved 300 students using questionnaires, observations and group interviews. Primary and secondary data will be analyzed to build a new model "MGG@TfModKTBa@INNOV" in the form of 3D multimedia applications to solve problems speaking among Students specializing in Arabic language in IPTA Malaysia. The construction of the new model is also expected to be a reference and policy for Arabic language learning and the construction of new Arabic syllabus in enhancing students' speaking skills as well as attracting students to specialize in Arabic language in IPTA Malaysia.

Keywords: *Models, Skills, Speaking Arabic, "MGG@TfModKTBa@INNOV"*

PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan bahasa yang kurang dikuasai dalam kalangan pelajar khususnya pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Masalah utama yang dihadapi dalam kalangan pelajar adalah masalah pertuturan kerana bahasa Arab bukan bahasa yang sering digunakan dalam pertuturan harian. Menurut Noor Anida (2014), kebanyakan pelajar bukan penutur asli menghadapi kesukaran untuk bertutur dalam bahasa Arab di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). Keadaan yang sama juga berlaku di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menunjukkan masalah dalam kemahiran bertutur telah menyebabkan pelajar menghadapi yang melibatkan aktiviti pertuturan (Nadwah, 2014).

Sehubungan itu, adalah penting untuk meneliti perkara ini dan seterusnya mencadangkan pembinaan model kemahiran bertutur Bahasa Arab yang bersesuaian dengan persekitaran pembelajaran di Malaysia. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti tahap kemahiran dan

punca kelemahan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPTA Malaysia supaya dapat dijadikan sandaran untuk mewujudkan model kemahiran bertutur bahasa Arab yang dinamakan sebagai “MGG@TfModKTBa@INNOV”. Model *Generatif dan Transformasi* adalah model terbaru yang direkacipta khas untuk digunakan bagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di kalangan pelajar yang bertutur Bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Model ini berdasarkan aplikasi multimedia perisian 3D yang meliputi factor pembelajaran Bahasa Arab seperti "Sintaks, Morfologi, Fonologi, Leksikologi, Semantik, Simulogi dan Etimologi" dalam kemahiran bertutur.

Bagi tujuan tersebut, kajian ini dibahagikan kepada tujuh bahagian. Selepas Pengenalan, Bahagian 1.2 menyatakan permasalahan kajian diikuti dengan persoalan dan objektif kajian di Bahagian 1.3 dan 1.4. Seterusnya, Bahagian 1.5 menjelaskan metodologi kajian manakala Bahagian 1.6 mengandungi sorotan kajian lepas diikuti dengan bahagian terakhir iaitu penutup.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian ini berkaitan kelemahan bertutur dalam bahasa Arab dikalangan penutur bukan penutur asli dan telah berlarutan dalam jangka masa yang lama. Sejak dahulu sehingga sekarang, masalah ini terus dibincangkan dan para academia masih berusaha untuk meningkatkan kemahiran ini. Perkara ini dapat dilihat dalam kajian yang telah dilakukan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Sebahagian besar pelajar dari USIM lemah dalam komunikasi bahasa Arab kerana kurang dipraktikkan di universiti (Asma, 2003-2017). Kajian yang dilakukan di UIAM juga menunjukkan dapatan yang sama (Sueraya, 2011). Masalah ini masih berterusan seperti dalam laporan Zati Azmina (2014) yang mengenalpasti punca kelemahan pelajar tidak mampu bertutur dalam bahasa Arab ialah kerana mereka kurang mempraktikkan penggunaan bahasa Arab semasa berada di dalam atau di luar kelas.

Perkara ini berbeza dengan Universitas Darussalam, Gontordi Indonesia yang menawarkan bahasa Arab kepada para pelajarnya sehingga bukan sahaja mampu melahirkan penutur bukan asli, tetapi boleh bertutur dengan baik dalam bahasa Arab ketika berkomunikasi sesama mereka. Lebih mengejutkan, baru-baru ini telah tular di media social sebuah universiti di Korea Selatan, iaitu Universiti Hankuk telah dapat melahirkan pelajar Korea yang boleh berbahasa Arab dalam pengajian bahasa asing. Oleh itu, kajian ini penting untuk dijalankan kerana kemahiran bertutur merupakan salah satu komponen asas bahasa Arab untuk pelajar di semua peringkat pengajian. Penguasaan kedua kemahiran reseptif ini berkait rapat dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran

yang dilaksanakan. Namun, tanpa penggunaan teknik dan gaya pembelajaran dan pengajaran yang betul, pelajar akan menghadapi masalah untuk menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab (Ku Fatahiyah, 2014). Melihat kepada masalah tersebut, maka perlunya wujud sebuah model yang dapat meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab kepada penutur bukan asli dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia kerana mereka merupakan graduan yang diharapkan mampu bertutur bahasa Arab. Kemahiran berbahasa Arab dapat membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam sector kerajaan seperti pelancongan, perdagangan dan perbankan Islam ketika bermuamalah bersama pelancong Arab atau pelabur Arab dari Timur Tengah.

PERSOALAN KAJIAN

Berikut adalah empat persoalan kajian yang akan dibincangkan.

- 1.3.1) Apakah tahap kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar IPTA Malaysia?
- 1.3.2) Mengapa pelajar IPTA masih belum mampu untuk bertutur bahasa Arab?
- 1.3.3) Bagaimanakah penyelesaian masalah kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar bukan penutur asli di Universiti Hankuk (Korea Selatan), dan Universitas Darussalam, Gontor (Indonesia)?
- 1.3.4) Apakah model yang sesuai untuk membina kemahiran bertutur kepada pelajar bahasa Arab di IPTA Malaysia?

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian bagi menjawab persoalan kajian adalah seperti di bawah.

- 1.4.1) Mengenalpasti tahap kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPTA Malaysia.
- 1.4.2) Mengenalpasti punca kelemahan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPTA Malaysia.
- 1.4.3) Mengetahui cara menyelesaikan masalah kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar bukan penutur asli di Universiti Hankuk (Korea Selatan) dan Universitas Darussalam, Gontor di Indonesia.
- 1.4.4) Membina model kemahiran bertutur bahasa Arab “MGG@TfModKTBa@INNOV” dalam kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPTA Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilakukan penting bagi menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis data serta melakukan pentafsiran terhadap penyelidikan yang dijalankan. Bagi kajian Model Kemahiran bertutur Bahasa Arab di IPTA, rekabentuk kajian yang digunakan adalah berasaskan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Kajian kualitatif adalah bertujuan untuk memahami sesuatu perkara ataupun fenomena dengan lebih mendalam. Pendekatan kualitatif ini menjawab persoalan bagaimana dan kenapa sesebuah fenomena itu berlaku. Kajian kualitatif juga

merupakan suatu kaedah untuk menerokai dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu masalah atau fenomena manusia dan masyarakat (Ahmad Munawar Ismail et.al, 2015).

Perkara ini penting bagi mengenal pasti dan memahami sesuatu isu atau konteks secara mendalam dalam suatu suasana yang memerlukan kepada interaksi secara langsung dengan konteks (Norman & Yvona, 1994). Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik, pemerhatian, dokumentasi, kajian kes, dan temubual untuk mendapatkan data primer dan data sekunder berkaitan dengan objektif kajian. Kajian ini melibatkan ujud fasa yang dirangka untuk menghasilkan sebuah model kemahiran bertutur bahasa Arab di IPTA di Malaysia.

1.5.1 Fasa Kajian

Fasa Pertama:

Mengenalpasti permasalahan kajian melalui laporan kajian-kajian lepas tentang kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia dan juga kajian perpustakaan.

Fasa Kedua:

Kajian dokumentasi dimana kaedah ini digunakan untuk mendapatkan gambaran umum terhadap kajian yang ingin dijalankan. Kajian yang mendalam terhadap bahan-bahan dokumentasi menyediakan maklumat berkaitan data yang dapat digunakan untuk merangka soalan soal selidik dan temubual.

Fasa Ketiga:

Kajian lapangan di tujuh buah IPTA Malaysia melalui kaedah soal selidik, pemerhatian dan temubual. Soal Selidik menggunakan instrument untuk mengukur tahap kemahiran bertutur bahasa Arab dan punca kelemahan bahasa Arab dalam kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPTA Malaysia. Kaedah pemerhatian merupakan salah satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pembolehubah penyelidikan. Kaedah ini juga merupakan satu kaedah alternative bagi mengumpul maklumat dan pengumpulan data. Melalui kaedah ini, penyelidik dapat mengamati sesuatu tingkahlaku subjek berpandukan pembolehubah yang dikenalpasti. Kaedah pemerhatian dijalankan bagi memahami sesuatu situasi atau keadaan, mendapatkan data secara langsung dan terdapat bukti secara fizikal atau dapatan yang boleh diukur dengan penglihatan. Kaedah temubual pula merupakan kaedah terbaik untuk mendapatkan data berbentuk primer. Kajian ini menggunakan kaedah temubual yang menggunakan soalan separa berstruktur. Soalan separa berstruktur memberikan kelebihan kepada proses pengumpulan data kerana responden kajian diberikan kebebasan untuk menjelaskan sesuatu perkara itu dengan lebih mendalam tetapi masih dalam ruang lingkup perbincangan. Kaedah temubual akan melibatkan 300 orang pelajar di IPTA yang mempunyai pengkhususan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di enam IPTA di Malaysia.

Reka Bentuk Eksperimen Kajian

Kaedah penyelidikan untuk pembinaan model baharu ini adalah berdasarkan tinjauan perbandingan dan analitikal. Penyelidik akan mengkajipermasalahan kajian melalui pengumpulan data dan maklumat kuantitatif mengenainya. Dalam pendekatan tinjauan komparatif ini, penyelidik akan melakukan satu siri penyelidikan bersepadu untuk menerangkan fenomena berdasarkan fakta dan data yang dimaksudkan. Kemudian, dapatan kajian akan ditambahbaik untuk penyelidikan bahasa Arab di masa hadapan

Pendekatan perbandingan yang sesuai untuk penyelidikan ini adalah seperti berikut. Pertama, pengumpulan data mengenai realiti bahasa Arab sebagai bahasa kedua bagi penutur bukan bahasa Arab dengan cara penerapan gaya pembelajaran dari universiti terbaik di Malaysia. Kedua, menganalisis data dengan analisis perbandingan dan secara kuantitatif atau kualitatif dan kesimpulan yang diperoleh yang dapat membantu memahami bahasa penutur bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Dengan cara ini, aplikasi pembangunan model baharu dapat diterapkan berdasarkan model pembelajaran universiti terpilih. Ketiga, perbandingan deskriptif kaedah mengajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua di universiti-universiti terpilih di Malaysia.

Teori Berkaitan Model Pembelajaran Koperatif

Teori pendidikan menunjukkan bahawa pembelajaran koperatif dimulakan secara formal oleh Mason dan rakan-rakannya di London pada tahun 1960-an (Lunsford, 1989). Dewey (1897) mengaplikasikan idea pembelajaran koperatif dalam penyemakan teori pendidikan tradisionalnya. Beliau berpendapat bahawa pelajar adalah individu sosial justeru pendidikan yang diterima pelajar diaktifkan melalui interaksi mereka dengan orang lain. Pendidikan pelajar berlangsung dalam konteks sosial dan kesedaran budaya yang berbeza (Kent, 1999). Menurut Dewey lagi, pendidikan gagal kerana tidak menganggap sekolah sebagai sebahagian daripada kehidupan bermasyarakat. Perkara ini berlaku kerana pendidikan tidak menerapkan interaksi dan aktiviti sosial dalam proses pembelajaran, namun aktiviti sosial memberikan teras pendidikan di manapun aspek pembelajaran saling berhubungkait (Dewey, 1897).

Terdapat dua pemerhatian terhadap sistem pendidikan tradisional (Dewey, 1938). Pemerhatian pertama menunjukkan bahawa pendidikan tradisional adalah proses sehalu, di mana pembelajaran berlaku dari guru kepada pelajar. Peranan guru adalah untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar. Oleh kerana pengetahuan yang diterima pelajar di luar pengalaman sebenar mereka, mereka tidak dapat memahami hasil pembelajaran tersebut. Oleh itu, pendidikan perlu diberikan kepada mereka. Pemerhatian kedua dalam pendidikan tradisional menyatakan pelajar mengadakan interaksi sehalu dengan guru dan tiada interaksi formal yang digalakkan. Dewey (1938) berusaha mengubah kaedah pengajaran tradisional tersebut dengan menggantikan aspek sosial pendidikan tradisional dengan interaksi sosial. Menurut beliau, sekolah dan bilik darjah dilihat sebagai satu kumpulan yang perlu digabungkan dengan komuniti atau masyarakat setempat semasa menjalankan sesuatu aktiviti atau proses pembelajaran.

Fasa Keempat:

Kajian Kes mengadakan lawatan di dua buah universiti iaitu Universitas Darussalam, Gontor, Indonesia dan Universiti Hankuk, Korea Selatan. Kedua-dua universiti tersebut mempunyai pelajar yang bukan penutur asli tapi boleh bertutur bahasa Arab dengan baik. Kaedah kajian ialah melalui temubual bersama pensyarah universiti dan para pelajar di universiti terbabit.

Fasa Kelima:

Fasa ini melibatkan proses analisis data. Data yang diperolehi daripada kaedah soal selidik, pemerhatian, dokumentasi, temubual dan kajian kes akan dianalisis oleh para penyelidik. Kajian ini menggunakan kaedah analisis induktif dan deduktif untuk mendapatkan rangka model pertuturan dalam Bahasa Arab di institusi bagi peningkatan penguasaan bahasa Arab di Malaysia.

Fasa Keenam:

Pembinaan model kemahiran bertutur dalam Bahasa Arab yang menggunakan model Model“MGG@TfModKTBa@INNOV”@3D. Penggunaan bahan pengajaran multimedia telah menjadi satu keperluan dalam pembelajaran bahasa Arab. Bagi memastikan keberkesannya dalam pengajaran, bahan pengajaran multimedia dalam kajian ini telah terlebih dahulu dibangunkan berasaskan model ADDIE. Model ADDIE digunakan untuk menganalisis keperluan pelajar. Satu keperluan yang perlu diambil kira adalah kemahiran bertutur yang pelbagai iaitu menganalisis keperluan pelajar. Satu aspek penting dalam menganalisis keperluan pelajar adalah factor gaya belajar berdasarkan aplikasi multimedia perisian 3D yang meliputi factor pembelajaran Bahasa Arab melalui analisis setiap *wihdah Moneme Siyaqiyyahlughawiyyah* (Asma, 2008).

Peringkat kedua Model ADDIE adalah peringkat pembangunan yang perlu mengambil kira unsure terkini seperti persekitaran 3D. Persekitaran 3D dapat membantu pelajar teknik visualisasi konsep-konsep pembelajaran bahasa Arab. Seterusnya peringkat ketiga Model ADDIE adalah peringkat merekabentuk bahan pengajaran multimedia secara interaktif. Ciri interaktif seperti penerimaan maklum balas dari bahan pengajaran adalah salah satu ciri penting yang dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan (Chian& Tan, 2014).

Fasa Ketujuh:

Pengesahan pakar untuk model yang telah dirangka dan diuji akan disahkan oleh empat kumpulan pakar dari dalam dan luar negara. Seterusnya pelaporan akhir akan diselesaikan bagi menjawab keseluruhan persoalan kajian.

Jangkaan Dapatan Kajian

Kajian ini dijangka dapat menghasilkan satu model baharu “MGG@TfModKTBa@INNOV” untuk diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian rintis telah dijalankan di tujuh IPTA yang telah dikenalpasti, disamping teori dan formula berkaitan penyelidikan seperti inovasi terkini “MGG@TfModKTBa@INNOV” dalam pengajaran dan pembelajaran.

KAJIAN LITERATUR

Latar belakang pengalaman pembelajaran pelajar yang mengambil bahasa Arab di IPTA adalah berbeza dan pelbagai. Terdapat pelajar yang sudah menamatkan pembelajaran bahasa Arab pada peringkat kolej, ada pelajar yang telah mempelajarinya diperingkat sekolah menengah dan rendah, serta ada juga yang belum pernah mempelajarinya sebelum ini. Namun, system pembelajaran di IPTA tidak membezakan kelompok-kelompok pelajar ini di dalam kelas. Tambahan lagi, peperiksaan penempatan tidak dilakukan sebelum kelas bermula. Oleh itu, kelas bahasa menggabungkan semua pelajar dari latarbelakang yang berbeza. Kepelbagaian pelajar mempengaruhi penguasaan mereka dalam kemahiran bertutur bahasa Arab sebagaimana yang dinyatakan oleh *Teori Causal Attributional* (Pintrich& Schunk, 1996).

Umumnya ,pengajaran Bahasa Arab di Malaysia meletakkan matlamat membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Disamping itu, penguasaan dalam tatabahasa serta morfologi Arab juga turut

dititikberatkan. Matlamat ini sebenarnya merujuk kepada penekanan fungsi asal bahasa iaitu bahasa adalah medium komunikasi antara manusia (Ahmad Kilani Mohamed, 2001). Justeru, kemahiran mendengar dan bertutur menjadi kemahiran utama dalam interaksi antara manusia (Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, 2011). Bahkan mendengar dan bertutur merupakan satu daripada unsur komunikasi yang tertua, terpenting dan kerap digunakan. Apabila seseorang itu berkomunikasi, dia sebenarnya melakukan aktiviti mendengar dan bertutur iaitu satu proses duahala (Chew Fong Peng, Abdul Jalil Othman, 2008).

Penguasaan kedua-dua kemahiran reseptif ini berkait rapat dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Kemahiran bertutur merupakan salah satu daripada kemahiran bahasa yang empat selain kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Kemahiran bertutur memainkan peranan penting bagi membantu pelajar menguasai bahasa sasaran yang dipelajari. Menurut Fuad Illiyan (2000), bertutur adalah apa yang disumberkan dari manusia iaitu suara yang memperihalkan tentang makna yang bermain dalam pemikiran penutur dan pendengar dan mematuhi peraturan tatabahasa. Bertutur dari segi istilah kelakuan bermaksud melafazkan bunyi perkataan yang mempunyai makna.

Justeru dengan melihat kepada kepentingan kemahiran bertutur dalam kurikulum bahasa, kemahiran ini pastinya memerlukan kepada satu pendekatan pembelajaran yang efektif agar pelajar dapat menguasai kemahiran bertutur dalam pembelajaran bahasa dengan lebih baik. Perkara ini telah dinyatakan oleh Zamri (2005) bahawa kemahiran bertutur memerlukan pelajar bukan sahaja menghasilkan keperluan bahasa yang tertentu seperti tatabahasa, sebutan atau kosa kata (kecekapan linguistik), tetapi mereka juga perlu memahami bila, kenapa dan dengan cara apa untuk menghasilkan bahasa (kecekapan sosiolinguistik). Selain itu, pertuturan juga mempunyai kemahiran tersendiri, struktur dan kebiasaan yang berbeza dengan bahasa tulisan. Seorang penutur yang baik menggabungkan kemahiran bertutur dan pengetahuan untuk mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan yang terdapat dalam bahan yang dibaca.

Biarapun kemahiran bertutur merupakan kemahiran terpenting dalam kurikulum bahasa, namun kemahiran ini masih kurang mencapai tahap pencapaian yang baik dalam kalangan pelajar, tidak kira pelajar menengah mahu pun pelajar IPT. Rata-rata pelajar mengatakan pembelajaran kemahiran bertutur ini lebih sukar berbanding tiga kemahiran yang lainnya. Balley (2005) mengatakan ramai yang mempelajari sesuatu bahasa merasakan kemahiran bertutur dalam bahasa yang dipelajari lebih sukar berbanding kemahiran-kemahiran lain. Kesukaran ini disebabkan ia berlaku dalam masa sebenar (*real time*). Apabila seseorang bertutur, penutur tidak boleh menyunting atau mengulang balik apa yang dituturkan. Ini berbeza dengan penulisan yang boleh disunting dan dapat diulang kembali.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kesukaran menguasai kemahiran bertutur sesuatu bahasa selain dari bahasa asal penutur. Antara faktor-faktor tersebut adalah disebabkan kurangnya penguasaan para pelajar terhadap perbendaharaan kata, kurang berkemahiran dalam membina ayat gramatis, kurang mempraktikkan amalan bertutur dalam bahasa sasaran sesama mereka, persekitaran yang tidak menggalakkan, serta kaedah pengajaran yang kurang berkesan (Ashinida, 2012). Hal ini dapat dilihat dengan jelas berlaku dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab kerana bahasa tersebut dianggap lebih sukar dikuasai berbanding bahasa lain. Disamping itu, penggunaannya pula dalam kalangan masyarakat juga dilihat tidak meluas (Zawawi, 2001).

Bagi mengatasi masalah kemahiran bertutur bahasa Arab yang berlaku dalam kalangan pelajar, beberapa pengkaji cuba mengetengahkan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) dalam pembelajaran bahasa kerana ia dilihat mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan pelajar cemerlang bahasa (PCB) (Rubin 1975; Stern 1975). Mereka sentiasa mempraktikkan SPB tertentu

secara konsisten. Malah strategi pembelajaran bahasa yang sesuai sering kali didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecemerlangan prestasi bahasa (Green & Oxford 1995). Salah

satu faktor yang membezakan kecemerlangan antara dua pelajar sama pandai dan diajari oleh guru yang sama ialah penggunaan strategi belajar yang betul, sesuai dan berkesan. Dengan kata lain, mereka yang melaksanakan SPB secara kerap dan pelbagai lebih berjaya untuk menguasai bahasa sasaran.

Menurut Maimun Aqsha (2009), kaedah Eklektik Sistemik dan kaedah *al-Sam'iyat al-Shafawiyah* (dengar-tutur) lebih berkesan daripada kaedah *Taqlidiyah* bagi kemahiran kefahaman mendengar dan bertutur pada kedua-dua peringkat permulaan dan pertengahan. Ringkasnya, kaedah Eklektik Sistemik ialah cara mengajar bahasa yang menggunakan dua atau kombinasi pelbagai kaedah dan tidak terikat kepada satu-satu kaedah tertentu. Bahkan guru boleh menggunakan usaha dan daya kreativiti mereka sendiri.

Kemahiran bertutur ialah satu aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa yang amat penting dan utama. Ia adalah kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar sebelum mempelajari kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran membaca dan menulis. Maimun (2009) melaporkan terdapat pandangan sebahagian sarjana bahasa yang mengatakan bahawa penggunaan gambar atau objek dalam kemahiran bertutur membantu menghubungkan gambar dan suara, justeru dapat mengurangkan kebergantungan terhadap bahasa ibunda. Kemahiran bertutur adalah refleksi terhadap tahap pembelajaran seseorang dalam mana-mana bahasa. Sebagai contoh, kita sering menggunakan istilah 'penutur bahasa Arab sebagai bahasa pertama', 'penutur bahasa Arab sebagai bahasa kedua'. Kita tidak pernah menggunakan istilah 'pembaca bahasa Arab sebagai bahasa pertama', 'pembaca bahasa Arab sebagai bahasa kedua' atau 'penulis bahasa Arab sebagai bahasa pertama', 'penulis bahasa Arab sebagai bahasa kedua'.

Tai'mah (t.t.) member panduan dalam pengajaran kemahiran bertutur:

- i. Guru perlu mengurangkan percakapan dan member arahan di dalam kelas kemahiran bertutur namun sebaliknya pelajar perlu memperbanyakkan bertutur bahasa Arab.
- ii. Pelajar perlu memahami apa yang dituturkannya iaitulah dengan cara meminta pelajar bercakap sesuatu tajuk yang dialaminya atau berdasarkan kepada pengalamannya.
- iii. Guru tidak membangkang atau memotong percakapan ketika pelajar bertutur bahasa Arab serta memperbanyakkan pembedahan ketika pelajar bertutur bahasa Arab. Adalah satu kebiasaan sekiranya penutur bahasa Arab sebagai bahasa kedua berasa lemah dalam mengeluarkan kata-kata dan menyusun ayat bahasa Arab dengan sempurna. Namun perasaan ini akan bertambah sekiranya percakapan mereka sering dipotong oleh guru. Pembedahan kesalahan pelajar perlu dilihat dari dua aspek: (a) Sekiranya kesalahan pertuturan bahasa Arab pelajar boleh merosakkan makna ayat, maka guru perlu memperbetulkan kesalahan pertuturan pelajar; dan (b) Jika kesalahan bahasa itu tidak merosakkan makna serta masih dapat menyampaikan maksud percakapan, maka kesalahan itu perlu diabaikan.
- iv. Guru perlu mengajar kemahiran bertutur mengikut tahap pelajar. Untuk pelajar peringkat asas, percakapan dilakukan melalui proses soal jawab (guru menyoal pelajar menjawab sama ada soalan berkaitan dengan teks yang dipelajari atau tentang satu-satu situasi), atau menghafaz sebahagian dialog. Untuk pelajar peringkat pertengahan: kemahiran bertutur dilatih melalui aktiviti permainan, perbincangan dua hala, pelajar menceritakan pengalaman yang mereka alami dan pelaja

rmengulang cerita yang mereka lihat atau dengar dari television atau radio atau dari sumber media-massa yang lain.

Melihat kepada permasalahan seperti ini, penyelidik telah melakukan kajian tentang empat kemahiran yang tersebut di atas termasuk kemahiran bertutur Bahasa Arab dengan mengetengahkan pandangan-pandangan sarjana bahasa berkaitan dengan kemahiran bertutur yang meningkatkan

penguasaan asas pelajar. Kajian yang dijalankan ini boleh dianggap sebagai satu usaha untuk member gambaran yang jelas mengenai perkaitan antara kemahiran bertutur dan pembelajaran Bahasa Arab serta membina model kemahiran bertutur yang sesuai digunapakai oleh pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPTA.

PENUTUP

Kajian ini melihat permasalahan kurang kemahiran bertutur dan menulis dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur asli di institute pengajian tinggi awam di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan satu model baharu berkaitan pembinaan dan penubuhan model kemahiran bertutur bahasa Arab yang sesuai digunapakai untuk meningkatkan penguasaan asas pelajar.

Rujukan

- Alias Baba. 1999. Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Kilani Mohamed. 2001. Teori pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia. Skudai: UTM.
- Chew Fong Peng, Abdul Jalil Othman. 2008. Pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam bilik darjah di sekolah menengah: Punca, masalah dan kesannya di Malaysia. *Sosiohumanika*, 167-192.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hairun Najuwah Jamali, Awatif Abdul Rahman. 2014. Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Kemahiran Mendengar Dan Bertutur Bahasa Arab Di IPT. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*.
- Asma Abdul Rahman, 2003-2017. Kesukaran- kesukaran Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar IPT (KUIM&USIM).
- Maimun Aqsha Lubis. 2009. Keunggulan kaedah Elektik Sistematis dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kepada pelajar melayu. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE)*. Vol 1 no 2, 29-38.
- Nadwah Daud, Nadhilah Abdul Pisal. 2014. Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Volume 14(1).
- Noor Anida Awang, Rahimah Embong, Zaiton Mustafa, Azhar Yaacob, Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014, ISBN 978-967-5478-78-9.
- Rusydi Ahmad Ta'imah. T.t. *Al-Marji' Fi T'lim al-Lughahal-Arabiyyah Li Al-Natiqiin bi Lughatin Ukhra*. Jilid2: *Jami'ah UmmulQura: Maa'had al-Lughah al-Arabiyyah*.
- Sueraya Che Haron. 2011. *Arabic Speaking Skill Learning Strategies of Selected Malay Learners: A Case Study at the IIUM*. Tesis PhD. IIUM.
- Wan Izzuddin Wan Sulaiman & Wan Hasni Wan Sulaiman. 1991. Strategi belajar yang berkesan. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Ala-Uddin Othman. 2011. Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 67. Volume 11(2).
- Zati Azmina Jaafar. 2014. Strategi Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Tahun Asas Bahasa Arab KUIS. UKM.